

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes menurun disebabkan PKP sejak 3 minggu lalu

Jumlah jangkitan harian dijangka mendatar selepas kes tertinggi 31 Januari lalu

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bhi.com.my

Putrajaya: Jumlah kes harian COVID-19 dijangka mendatar selepas ini apabila negara sudah melalui kemuncak kes tertinggi pada 31 Januari lalu dengan 5,298 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, berkata penurunan kes yang dilihat kini adalah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tiga minggu lalu.

"Sebelum ini kita jangkaan jumlah kes akan kembali menurun selepas pelaksanaan PKP dalam

tempoh empat minggu. Minggu pertama untuk kita mengelak lonjakan kes baharu secara mendadak, memasuki minggu kedua kita tak nampak lagi perbezaan dan kes dilihat semakin meningkat.

"Kini kita sudah memasuki minggu ketiga dan kes COVID-19 semakin menurun. Baki seminggu itu kita akan lihat lagi penurunan kes COVID-19," katanya dalam sidang media, semalam.

Dr. Noor Hisham berkata pelaksanaan PKP kali ini untuk membantu kerajaan mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan komuniti.

"Apa yang penting kini bukanlah pelaksanaan PKP atau PKP Bersyarat tetapi kepatuhan rakyat Malaysia kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan. Jika rakyat mempunyai kepatuhan dan disiplin yang tinggi terhadap SOP, kita dapat elakkan penularan.

"Selepas setahun COVID-19 menular, ternyata virus itu akan mati dalam tempoh tujuh hari sekiranya ia tidak dapat menjang-



Selangor terus kekal mencatatkan kes harian tertinggi.

kiti individu lain," katanya.

Dr. Noor Hisham berkata, pihaknya bukan sahaja memantau nilai kebolehan jangkitan (RT) atau R-naught (R0), secara keseluruhan, tetapi turut melihat di setiap negeri.

"Di setiap negeri juga kita lihat terdapat penurunan RT laju. Sabah kini dengan 0.81 dan Kelantan 0.77.

"Kebanyakan kes di Kelantan berpunca daripada rentas negeri lalu terdapat 31 kluster dikesan dan 96 peratus daripadanya membabitkan warganegara.

"Terengganu turut menunjukkan penurunan nilai RT iaitu 0.86 serta Sarawak 1.0 dan diharapkan penularan kes di Sarawak ini dapat dikawal," katanya.

Berikutan nilai RT menunjuk-

kan perkembangan yang baik, Dr. Noor Hisham meminta supaya masyarakat kekal mematuhi SOP terutama ketika perayaan Tahun Baharu Cina kelak.

Sementara itu, Dr. Noor Hisham berkata, jumlah kes baharu COVID-19 menunjukkan penurunan semalam, apabila sebanyak 2,764 kes dilaporkan, menjadikan jumlah kumulatif 248,316 kes.

Selangor kekal mencatatkan kes harian tertinggi, 862 kes (31.2 peratus) dan daripada jumlah itu 663 atau 77.5 peratus daripada kluster sedia ada dan saringan kontak rapat di lapangan.

"Ini diikuti Johor 521 kes (18.3 peratus) dan Kuala Lumpur dengan 422 kes (15.3 peratus).

Hingga kini 50,841 kes aktif dan kebolehan jangkitan COVID-19 dan

daripada jumlah itu 269 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), manakala 127 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Terdapat 18 kes kematian dilaporkan semalam menjadikan jumlah kumulatif 909 bersamaan 0.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Enam kes kematian dilaporkan di Selangor, masing-masing dua kes di Sabah, Sarawak dan Johor manakala satu di Kuala Lumpur yang membabitkan semua warganegara berusia antara 49 hingga 80 tahun.

Sementara itu, sebanyak 12 kluster dikesan semalam yang mana 11 daripadanya berpunca di tempat kerja dan satu dalam kalangan komuniti.

Kluster Pasai jangkiti 2,363 individu, kini generasi keenam

Putrajaya: Kluster Pasai yang sudah menjangkiti seramai 2,363 individu setakat ini, kini dikesan memasuki enam generasi berikutan kegagalan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, berkata pihaknya dimaklumkan hingga kini, Kluster Pasai sudah merebak hingga ke 58 rumah panjang di Sarawak.

Penularan berlaku berikutan kes indeks yang pulang dari Johor untuk menghadiri pengebumian meniang bapanya, menyalin kuarantin wajib di rumah panjang yang kurang pengasingan.

"Adat pengebumian di rumah panjang adalah selama tiga hari berturut-turut membabitkan pengunjung yang ramai dari rumah panjang lain.

"Pematuhan kepada SOP juga (adalah) penting," katanya pada sidang media, semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, apabila individu terbabit berkumpul di rumah panjang, apa yang berlaku adalah kurang pengasingan serta pematuhan kepada SOP.

Sementara itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak dalam satu kenyataan menyebut sebanyak 111 jangkitan baharu COVID-19 direkodkan di Sarawak semalam,



menjadikan jumlah keseluruhan 5,871 kes dicatatkan di negeri itu. Dua kes kematian baharu dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan 55 kematian.

Menurut kenyataan itu, kes kematian ke-54 membabitkan seorang wanita berumur 66 tahun yang dimasukkan ke Hospital Sibub pada 30 Januari lalu sebelum

kesihatannya merosot dan disahkan meninggal dunia pada 1.14 tengah hari, kelmarin.

"Kes mempunyai komorbid penyakit darah tinggi dan kencing manis. Kes adalah daripada Kluster Pasai," menurut kenyataan itu.

Kematian ke-55 pula membabitkan seorang lelaki berumur 54 tahun yang dimasukkan ke Hospital Sibub pada 21 Januari setelah mengalami gejala demam, batuk dan selesema bermula 10 Januari.

Kenyataan itu menyebut mangsa yang mempunyai penyakit darah tinggi disahkan meninggal dunia pada 4.04 petang hari sama.

Terkini COVID-19 3,887 pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam | **2,764** kes baharu disahkan, semalam | **909** jumlah kematian dicatat | **248,316** jumlah kes disahkan positif | **50,841** kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL



Perancang Kesihatan Coway Nik Khairunisa Nik Kamal (kiri) dan Dayang Nisah Mohamad Ibrahim (kanan) bersiap sedia untuk melakukan perkhidmatan pembasmian kuman di sebuah rumah di Kuala Lumpur, semalam.

Menteri boleh pendek tempoh kuarantin ikut Seksyen 29 Akta 342

Putrajaya: Mana-mana individu yang memenuhi syarat gelem-bung perjalanan yang ditetapkan, boleh memendekkan tempoh kuarantin kepada tiga hari untuk perjalanan ke luar negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, berkata kebenaran itu boleh dipohon mengikut Seksyen 29 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) kepada Menteri Kesihatan.

"Seksyen 29 adalah pengecua-liaan tidak menggunakan Seksyen 15(1) tetapi kandungannya lebih kurang sama. Permohonan uru-san rasmi dibuat kepada Jemaah Menteri.

"Sebelum perjalanan kita akan lihat jadual dan jika jadual ketat dan ada doktor mengiringi per-jalanan, kita boleh pertimbang-kan tetapi ada syarat tidak mem-bahayakan," katanya pada sidang semalam.

Bagaimanapun, beliau berkata, perintah kuarantin itu boleh di-lanjutkan sekiranya negara yang dilawati berisiko tinggi.

Dr. Noor Hisham berkata, ang-gota delegasi yang mengikuti la-watan rasmi urusan negara di-berikan kelonggaran kuarantin wajib di rumah atau kediaman

masing-masing.

Beliau berkata, ketika Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ke Jakarta baru-baru ini, beliau terlebih dahulu menjalani ujian, calitan RT-PCR pada 3 Fe-bruari sebelum berlepas.

Sebaik tiba di Jakarta pada 4 Februari, Perdana Menteri men-jalani satu lagi ujian calitan dan sekembalinya ke negara ini beliau menjalani perintah pengawasan di rumah (HSO).

"Pada 5 Februari, saya keluar-kan HSO untuk kuarantin di ru-mah dan memakai gelang. Ujian calitan dijalankan hari ini (se-malam) 9 Februari, iaitu hari ke-lima dan beliau akan melengkap-kan jadual kuarantin untuk tujuh hari," katanya.

Dr. Noor Hisham berkata, Pe-rintah Pengecualian diwartakan berkuat kuasa pada 9 Februari hingga 1 Ogos 2021 itu memberi pengecualian kepada Menteri Ka-binet yang kembali dari ma-na-mana lawatan rasmi keluar ne-gara daripada peruntukan Sek-syen 15(1), sebaliknya mereka akan menjalani perintah baki selama tiga hari atau menjalani penga-wasan sehingga boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang lain.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : COVID-19

Kes dijangka catat 2 angka pertengahan Mei

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjangkakan kes harian Covid-19 merekodkan dua angka pada pertengahan Mei ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes harian berjaya melepasi kemuncak kes tertinggi pada 31 Januari lalu

dengan 5,298 kes. "Penurunan kes yang dilihat kini disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tiga minggu lalu.

"Sebelum ini kita jangkakan jumlah kes kembali menurun selepas pelaksa-

naan PKP dalam tempoh empat minggu, kini kita memasuki minggu ketiga dan baki seminggu itu kita mungkin lihat penurunan lagi kes Covid-19," katanya pada sidang media perkembangan Covid-19, semalam.

Bellau berkata, kes di kebanyakan negeri juga dilihat terdapat penurunan nilai kebolehhajkitan (RT) atau R-naught, (R0) iaitu Sabah kini dengan 0.81 dan Kelantan 0.77.

"Kebanyakan kes di Kelantan berpunca daripada

kes rentas negeri iaitu terdapat 31 kluster di kesan dan 96 peratus daripadanya memabatkan warganegara.

"Terengganu turut menunjukkan penurunan nilai RT iaitu 0.86 serta Sarawak 1.0 dan diharapkan


penurunan kes di Sarawak ini dapat dikawal," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, disebabkan nilai RT menunjukkan perkembangan baik, beliau meminta supaya masyarakat kekal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) terutama ketika Tahun Baharu Cina kelak.

ISU SOP KUARANTIN JEMAAH MENTERI

Kuasa menteri buat pengecualian

Oleh Amir Abd Hamid dan Hafidzul Hilmi Mohd Noor
 am@hmetro.com.my



DR Noor Hisham Abdullah pada sidang media situasi terkini kes jangkitan Covid-19 semalam.

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam menjelaskan mengenai isu diperkatakan masyarakat berhubung dakwaan anggota Kabinet menjalani kuarantin tiga hari selepas pulang iawatan luar negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia perlu dijelaskan yang menggunakan Seksyen 29 Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pencegualan) 2021.

Bellau berkata, semalam sudah pun diwartakan iaitu menggunakan Seksyen 29 daripada Akta 342 memberi kuasa kepada Menteri Kesihatan untuk membuat pengecualian melalui perintah itu.

"Sebelum ini kita menggunakan Akta 342 Seksyen 15 (1) iaitu setiap individu pulang dari luar negara akan diberikan perintah pengecualian di rumah (HSO) dan dipakaikan gelang yang

akan dikuarantin tempohnya dahulu 14 hari, dipendekkan kepada 10 hari.

"Daripada 10 hari kita boleh pertimbangkan untuk tujuh hari melainkan kalau tiga hari sudah pun dijalankan ujian di negara berkenaan, sebelum mereka kembali ke Malaysia.

"Tetapi, Akta Seksyen 29 mengemukakan menggunakan Seksyen 15 (1). Kalau kita baca iaitu perintah pengecualian diwartakan berkuat kuasa pada 9 Februari lalu sehingga 1 Ogos depan," katanya dalam sidang media berhubung situasi semasa jangkitan virus Covid-19, semalam.

Bellau berkata, menurut warta itu, di mana pengecualian Jemaaah Menteri yang kembali dari ma-

na-mana lawatan rasmi ke luar negara daripada pemarkan Seksyen 15 Akta yang sama.

"Sebaliknya mereka akan menjalani perintah pemerintahan selama tiga hari atau menjalani pengawasan sehingga boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang lain.

"Jadi (perkataan) atau itu mungkin tujuh hari, mungkin 14 hari atau mungkin dilanjutkan sampai 21 hari.

"Kita lihat sekiranya mereka kembali, kita menggunakan Seksyen 29, mereka kena patuh kepada laluan hijau timbal balik. Sebelum mereka bertolak, mengemukakan permohonan kepada Jemaaah Menteri dan Kabinet akan luluskan. Apabila Kabinet luluskan, kita

akan melihat jadual, prosedur operasi standard (SOP) dan juga urusan yang rasmi," katanya.

Berkenaan lawatan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin bertemu Presiden Indonesia Joko Widodo di Jakarta, baru baru ini, katanya, ujian *Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction* (RT-PCR) sudah dijalankan kepada pemimpin negara pada 3 Februari lalu sebelum berlepas.

"Apabila sampai ke Jakarta, pada 4 Februari lalu ujian sekali lagi dijalankan dan kembali ke Malaysia. Pada 5 Februari lalu iaitu hari pertama, saya sudah pun keluar kebenaran HSO untuk kuarantin di rumah dan dipakaikan gelang.

"Ujian swab dijalankan pada hari ini iaitu pada hari kelima dan akan melengkapkan jadual kuarantin untuk tempoh tujuh hari. Jadi, tujuh tempoh tiga adalah 10 hari," katanya.

Bagi lawatan ke luar negara katanya, hanya untuk urusan yang rasmi dan jadual sudah pun dikemukakan.

"Kita akan melibat kepada aktiviti yang ringkas dan padat, tetapi tidak memabatkan orang ramai contohnya di tempat awam," katanya.

Kuala Lumpur: Kes baharu Covid-19 di negara semalam mencatatkan penurunan iaitu 2,764 kes dengan 33 kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Malaysia meningkat kepada 248,316 kes dengan kebolehhajkitan pula sebanyak 51,241 kes.

Bellau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan bi-

Kes positif baharu catat penurunan semalam

langan kes sembuh Covid-19 sebanyak 3,887 kes menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 196,566 kes.

"Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat enam kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan dalam negara pula adalah 2,758 kes.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu

sebanyak 862 kes (31.2 peratus). Daripada jumlah ini, sebanyak 668 kes (77.5 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti Johor sebanyak 521 kes (18.8 peratus), dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 422 kes (15.3 peratus).

Sebanyak 51 kes (1.8 pe-

ratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di lokap, depot tahanan Imigrasi, dan penjara yang memabatkan Kluster Tembok Sungai Udang (27 kes), Kluster Tembok Renggam (9 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (8 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (4 kes) dan Kluster Tembok Bukit Besi (3 kes)," katanya pada sidang media perkembangan Covid-19, semalam.

Bellau turut memaklumkan bahawa terdapat pertambahan 12 kematian semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 909 kes atau 0.36 peratus.

"Selingga kini, terdapat 289 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), di mana 127 kes memerlukan bantu-

an pernafasan.

"KKM turut mengesan 12 kluster baharu iaitu Kluster Tapak Bina Perstarian Puteri, Kluster Kejuruteraan Subang Baru, Kluster Industri Mahkota, Kluster Senai City Lapan, Kluster Besi Cyber, Kluster Jalan Parit Mesjid, Kluster Jalan Cyber 14, Kluster Tapak Bina Jalan Pantal, Kluster Jalan Budiman, Kluster Dialisis Masjid Tanah, Kluster Httlu Jerocco dan Kluster Lengkok Emas," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : COVID-19

SEKARELAWAN dalam kajian klinikal fasa 3 vaksin Covid-19 masih diterima.



Peluang jadi sukarelawan masih terbuka

Kuala Lumpur: Peluang untuk menjadi sukarelawan dalam kajian klinikal fasa 3 vaksin Covid-19 masih terbuka.

Kementerian Kesihatan (KKM) dalam satu hantaran menerusi laman Twitter rasminya memaklumkan antara syarat yang diletakkan adalah pemohon perlu berusia 18 tahun ke atas dan sihat.

Mereka yang berminat dan mahukan maklumat lanjut boleh menghubungi antara sembilan hospital yang menjadi tapak kajian tersebut menerusi aplikasi WhatsApp iaitu Hospital Ampang, Selangor (016-7286617 dan Telegram); Hos-

pital Umum Sarawak, Sarawak (012-3108108); Hospital Pulau Pinang, Pulau Pinang (014-9453599) dan Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang (014-9065518).

Selain itu, pemohon juga boleh menghubungi Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah (019-5544976); Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak (017-63311654); Hospital Taiping, Perak (019-5544976); Hospital Sungai Buloh, Selangor (011-10045343) dan Hospital Sultan Abdul Halim, Kedah (017-7931938, 017-7931987, 011-57069114). Borang yang perlu diisi

secara dalam talian ataupun secara terus menerusi WhatsApp dengan memberi pautan untuk maklumat lanjut.

Bagaimanapun, setakat ini tapak kajian di Hospital Ampang sudah mempunyai sukarelawan yang mencukupi namun pihak terbabit memberi pautan untuk mengisi borang secara dalam talian bagi membolehkan mereka yang berminat dalam percubaan vaksin pada masa hadapan.

Setakat ini tapak kajian di Hospital Ampang mempunyai sukarelawan yang mencukupi

Pada 27 Januari lalu, Menteri Kesihatan Da-

tuk Seri Dr Adham Baba dalam satu kenyataan berkata, kajian klinikal fasa 3 vaksin Covid-19 dimulakan pada hari berkenaan di sembilan hospital, membabitkan 3,000 sukarelawan.

Beliau berkata, kajian klinikal itu ditaja oleh Institut Biologi Perubatan Akademik Sains Perubatan China (IMBCAMS) dengan objektif untuk menilai keselamatan dan keberkesanan vaksin terhadap jangkitan Covid-19.

Sembilan hospital yang terbabit dalam percubaan klinikal itu adalah di bawah penyelarasan Institut Penyelidikan Klinikal (ICR), Bernama.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Penurunan ekoran pelaksanaan PKP selama tiga minggu

Kes dijangka mendatar minggu depan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA - Jumlah kes harian Covid-19 dijangka akan mendatar dan terkawal dengan kadar kebolehhajatan, R-naught (RO) terus menurun kepada 0.6.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, penurunan kes yang dilihat kini ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak tiga minggu lalu.

"Sebelum ini kita jangkakan jumlah kes kembali menurun selepas pelaksanaan PKP dalam tempoh empat minggu, kini kita telah masuk minggu ketiga.

"Baki seminggu itu kita mungkin lihat penurunan lagi kes Covid-19 dengan nilai RO 0.6," katanya pada sidang akhbar semalam.

Mengulas lanjut, Noor Hisham berkata, sebanyak 3,887 kes sembuh dilaporkan, mengatasi kes harian negara yang semakin mencatatkan penurunan kepada 2,764 kes semalam.

Selangor kekal mencatatkan kes baharu tertinggi sebanyak 862 kes dengan 668 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan, diikuti oleh Johor sebanyak 521 kes dan Kuala Lumpur sebanyak 422 kes.



THAQAFI SHAMSUDDIN dan isteri, Sarifa Ahmad Faisal menikmati hidangan dalam kereta di Restoran Padi House, Cyberjaya semalam.

Terdapat 13 kematian dilaporkan di Selangor, Sabah, Sarawak, Johor dan Kuala Lumpur, memabatkan lapan lelaki dan lima wanita berusia antara 49 hingga 80 tahun menjadikan sebanyak 909 kes kematian Covid-19 di Malaysia.

Menurutnya, terdapat 12 kluster baharu dikenal pasti dengan 11 daripadanya berkaitan tempat kerja memabatkan Selangor, Johor, Kuala Lumpur, Sabah dan Negeri Sembilan.

Jelasnya, satu kluster memabatkan kumpulan berisiko tinggi iaitu Kluster Dialisis Masjid Tanah di Ajor Gajah, Melaka Tengah dan Jasir di Melaka serta Rembau di Negeri Sembilan.

Dalam perkembangan berasingan, Noor Hisham berkata, hanya menteri yang memenuhi syarat ketat serta kriteria ditetapkan akan dipertimbangkan untuk menjalani kuarantin tiga hari selepas pulang dari luar negara.

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	2,764
Import	6
Tempatan	2,758
Sembuh	3,887
Kematian	13
Masih dirawat	50,841
Jumlah kes sembuh	196,566
Jumlah kematian	909
Jumlah kes keseluruhan	248,316

Jelasnya, sekiranya syarat dan kriteria itu tidak dapat dipenuhi, menteri tersebut perlu menjalani prosedur kuarantin biasa selama 10 hari.

"Sebelum bertolak, mereka perlu mengemukakan permohonan kepada Jemaah Menteri dan apabila kabinet memutuskan, kita perlu melihat kepada prosedur operasi standard (SOP) dan perkara ini (ke luar negara) memabatkan urusan rasmi sahaja.

"Kita juga akan melihat kepada aktiviti ringkas, padat tetapi tidak memabatkan ramai orang misalnya di tempat awam," jelasnya.

Bellau berkata, paling penting ialah perlu menggunakan pesawat persendirian, manakala pesawat komersial tidak diberi pertimbangan.

Ujarnya, selain pesawat, mereka juga perlu diiringi oleh doktor selain perjalanan tersebut hanya untuk sehari malah perlu menjalani ujian saringan tiga hari sebelum bertolak.

"Justeru, kita akan membuat penilaian risiko mengikut yang telah ditetapkan dan sekiranya ia tidak dipenuhi, perlu menjalani kuarantin biasa selama 10 hari," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, menteri yang kembali dari lawatan luar negara diberi pengecualian bagi menjalani pemerhatian hanya selama tiga hari atau pengawasan sehingga boleh dilepaskan tanpa memabatkan orang ramai.

Pengecualian tersebut berkuat kuasa mulai 9 Februari hingga 1 Ogos depan seperti dalam dokumen perintah berjudul "Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit (Pencegahan) 2021".

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kluster Pasai jangkiti 6 generasi

Mula dikenali di Sibul, jadi penyumbang terbesar kes positif Covid-19 di Sarawak

kes pertama dilaporkan 9 Januari lalu. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, penularan Covid-19 turut membabitkan 581 rumah panjang.

petugas kesihatan fikirannya zon hijau maka jangkitan telah berlaku, katanya. Beliau berkata, nilai kitaran ambang bagi Kluster Pasai adalah tinggi sekali gus menunjukkan kadar kebolehan kitaran sudah berkurangan.



DR NOOR HISHAM

tinggal dunia. Sepatutnya dia dikarantina di hotel tetapi menjalannya di rumah panjang katanya.

Dari pada jumlah tersebut enam adalah kes import melibatkan tiga warga negara dan tiga warga asing manakala sebanyak 2,758 kes adalah penularan tempatan.

Ole TUAN BUCHARAH TUAN MUHAMMAD ATMAN MUHAMMAD ATMAN PUTRAJAYA

Setakat ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengesan 2,773 kes positif hasil 25,500 salingan. Katanya pada sidang akhbar pada

Strategi KKM awala lagi untuk melindungi orang ramai dengan memastikan mereka berada di pedalaman seperti rumah panjang dan orang asli.

DR NOOR HISHAM

Kluster Pasai yang mula dikenali di Sibul telah menjadi penyumbang terbesar kes positif Covid-19 di Sarawak

Menurutnya, sebanyak 19 kes kematian turut dilaporkan dalam tempoh sama menjadi. Dalam pada itu, Dr. Noor Hisham berkata, jumlah kes Covid-19 di negara ini sebanyak 909 kes (100 peratus).

Kluster Pasai yang melibatkan beberapa negara di Sarawak kini sudah merebak kepada enam generasi yang dijangkiti Covid-19 sejak

Menurutnya, kluster berkecenderungan turut menjangkiti 46 petugas kesihatan di kawasan yang terjejas. Mereka (pesakit) datang ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan teras mengakhiri

Menurutnya, kluster berkecenderungan turut menjangkiti 46 petugas kesihatan di kawasan yang terjejas. Mereka (pesakit) datang ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan teras mengakhiri


DR NOOR HISHAM

Menurutnya, kluster berkecenderungan turut menjangkiti 46 petugas kesihatan di kawasan yang terjejas. Mereka (pesakit) datang ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan teras mengakhiri

Menurutnya, kluster berkecenderungan turut menjangkiti 46 petugas kesihatan di kawasan yang terjejas. Mereka (pesakit) datang ke fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan teras mengakhiri

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Dikemas kini pada am 12 tengah hari, 10 Februari 2021



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia

Perlis 184

Kedah 1,361

P. Pinang 9,229

Perak 1,964

Selangor 8,044

KL & Putrajaya 14,571

N. Sembilan 12,507

Melaka 1,344

Johor 27,531

Kelantan 1,779

Labuan 724


Terengganu 2,537

Sarawak 1,477

Pahang 3,139

Sabah 50,721

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI			
JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:
248,316	196,566	289	909



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 245,552 kes kepada 249,316 kes

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : -

Lebih 200 ulama putuskan
hukum vaksinasi Covid-19

Vaksin harus

Oleh MAISARAH
SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Sekurang-kurangnya 200 ulama dan profesional "memutuskan" kehárusan terima vaksin Covid-19 demi mencegah jangkitan dan pemuláran wabak itu atas kepentingan menjaga nyawa dan kesihatan manusia.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mufti Pahang, Datuk Seri Dr. Abdul Rahman Osman

berkata, beberapa peringkat perbicaraan dilaksanakan sebelum membuat keputusan itu bermula dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) membuat kertas berkaitan vaksin tersebut bersama Kementerian Kesihatan (KKM) dan disertai beberapa tokoh lain. Menuntut beliau, keputusan tersebut kemudian dibawa ke Jawatankuasa Panel Syariah Jakim.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Vaksin harus

Dari muka 1

Beliau membenarkan, selepas kertas berkenaan diluluskan di peringkat jawatankuasa itu, ia dibawa ke Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang dihadiri para mufti dan ahli jawatankuasa yang dilantik Majlis Raja-Raja.

"Selepas itu, persetujuan bersama dicapai di peringkat Jawatankuasa Fatwa negeri-negeri yang dianggotai 10 hingga 15 orang yang mengeluarkan fatwa di setiap negeri yang sepakat menyatakan vaksin tersebut harus dan boleh digunakan.

"Sekitar 200 orang Jawatankuasa Fatwa di negeri-negeri membuat keputusan dan menetapkan keyakinan vaksin tersebut sumbernya halal serta tidak ada unsur-unsur daripada sumber binatang dan sebagainya," katanya semalam.

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang bersidang pada 3 Disember tahun lalu mengambil ketetapan bahawa hukum penggunaan vaksin Covid-19 adalah haram dan ia wajib diambil oleh golongan ditetapkan kerajaan.

Menurut Abdul Rahman, keputusan jawatankuasa itu juga dibuat selepas menerima pakai perakuan kesejamatan vaksin oleh pihak berautoriti KKM yang merupakan pihak berkuasa tertinggi dalam hal ehwal kesihatan negara.



RAMAI ulama dan profesional memutuskan hukum terima vaksin Covid-19 harus demi mencegah jangkitan.



DR. ABUL RAHMAN

Katanya, walaupun wujud keraguan kajian vaksin memerlukan jangka masa panjang, namun pihak berkuasa agama mengambil mudarat yang lebih ringan kerana jika menunggu masa lebih lama, lebih ramai

orang dijangkiti wabak kerana tidak mendapat vaksin.

Selain itu, katanya, keputusan turut bersandarkan kepada penerimaan kebanyakan ulama dunia antaranya Universiti Al-Azhar dan Kesatuan Ulama Sedunia yang memperakukan dan telah menerima suntikan vaksin itu.

"Justeru, ia diputuskan banyak pihak dan berkeyakinan penuh atas keputusan yang dibuat KKM bergantung kepada 'Allah' atau sebab yang memutuskan hukum itu.

"Sebagai contoh, fatwa rokok atas sebab kumpulan pakar perubatan menyatakan ia boleh memudaratkan kesihatan tubuh, maka hukumnya diputuskan haram kerana pandangan ulama turut bersandarkan kepada pakar kesihatan jika ia berkaitan kesihatan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

Vaksin Covid-19 selamatkan negara, dunia


PETALING JAYA: Malaysia mampu mengecapi kejayaan dalam membendung wabak Covid-19 melalui program vaksinasi.

Ini menyorot kepada pengalaman dan kejayaan negara dalam membendung beberapa penyakit berbahaya yang pernah melanda negara seperti virus influenza A (H1N1), virus Nipah dan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) walaupun bukan dalam skala besar.

Pakar perubatan kesihatan awam, Jabatan Perubatan Tentera Hospital Tuanku Mizan, **Kolonel Dr. Mohd. Arshil Moideen** berkata, hanya dengan penggunaan vaksin dapat membendung penularan Covid-19 yang setakat ini sudah merekodkan 248,316 keseluruhan kes dan 909 kematian di negara ini.

